

**Pindaan Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023)
Bagi Arahan Perbendaharaan (AP) 102**

No. AP	Tajuk	Perincian AP	Tarikh Kuatkuasa
AP 102	Perakuan Pegawai Pengawal Atau Pegawai Yang Diberi Kuasa	Perakuan Pegawai Pengawal Atau Pegawai Yang Diberi Kuasa (a) Tandatangan Pegawai Pengawal atau pegawai yang diberi kuasa adalah memperakui tentang betulnya setiap butir dalam baucar itu termasuk baucar yang diproses melalui automasi pintar. Pegawai yang memperakukan baucar itu adalah bertanggungjawab bahawa: i) perkhidmatan atau bekalan telah diterima dengan sepenuhnya; ii) harga yang dikenakan adalah sama ada mengikut kontrak atau skala yang diluluskan atau patut dan munasabah mengikut kadar semasa; iii) kebenaran telah diperoleh sebagaimana yang dinyatakan; iv) pengiraan adalah betul; v) penerima yang dinamakan dalam baucar itu adalah pihak yang berhak menerima bayaran; vi) bayaran itu adalah pertanggungan yang sepatutnya kepada Program, Aktiviti atau Projek atau akaun yang dinyatakan; dan	17 Julai 2024

		vii) peruntukan mencukupi dan tidak dipertanggungkan bagi Maksud lain. Dalam persekitaran elektronik, tandatangan manual pada baucar tidak diperlukan dan memadai dengan tandatangan digital dengan catatan nama pada baucar. Di bawah Kemudahan Bayaran Pukul, bayaran boleh dibuat terlebih dahulu berdasarkan maklumat yang diberikan oleh pembekal dan apa-apa pelarasan (jika ada) hendaklah dibuat kemudiannya.	
--	--	---	--